

## **KAJIAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) ATAS TALIAN BAGI KURSUS PENULISAN PANTUN KREATIF**

*(Student Perception Study on Online Teaching and Learning for Creative Poem Writing Course)*

AZLAN AHMAD, AMIRUL MUKMININ MOHAMAD & NOORHAZILA MOHD  
HAMID

### ABSTRAK

*Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian menjadi satu kelaziman baharu yang berlaku di mana-mana tempat termasuklah di Malaysia. Proses menuntut ilmu yang sebelum ini secara bertatap muka dengan guru atau pensyarah, kini hanya di skrin komputer atau telefon pintar masing-masing. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh penularan wabak pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini dan pastinya perubahan yang berlaku secara tiba-tiba ini memberi kesan terhadap proses PdP yang berlangsung. Kajian ini bertujuan melihat persepsi pelajar terhadap keberkesanan proses PdP secara dalam talian bagi kursus Penulisan Pantun Kreatif. Responden penelitian ini melibatkan lebih kurang 60 orang pelajar yang mendaftar kursus ini pada Semester II Sesi Akademik 2020-2021. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data kajian yang juga merupakan instrumen utama kajian. Fokus utama penyelidikan ini adalah untuk melihat keberkesanan proses PdP kursus ini yang dijalankan secara dalam talian terutama dari segi input yang dicapai oleh pelajar setelah mengikuti kursus berbentuk kemahiran ini. Dapatan penelitian ini adalah penting untuk melihat kelemahan sekiranya ada terhadap pelaksanaan PdP kursus Penulisan Pantun Kreatif secara dalam talian dan langkah susulan yang perlu diambil untuk membaiki kelemahan yang berlaku. Hasil daripada kajian ini juga penting untuk dijadikan panduan dalam melestarikan kursus kemahiran ini pada masa-masa akan datang seandainya proses PdP ini masih dijalankan secara dalam talian.*

*Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian; Pandemik covid-19; Penulisan pantun*

### ABSTRACT

*Online teaching and learning (PdP) is a new trend that is happening everywhere, including in Malaysia. The process of seeking knowledge that was previously face to face with teachers or lecturers is now only on the computer screen or smatrphone respectively. This change occurred due to the Covid-19 epidemic that hit the whole world at this time it is certain that this sudden change is affecting the ongoing PdP process. This study is to look at students' perceptions on the effectiveness of the online PdP process for creative poem writing courses. The study will involve approximately 60 students who registered for this course in semester 2, academic session 2020-2021. This study will use a questionnaire to obtain research data which is also the main instrument of the study. The focus of this study is to see the effectiveness of the PdP process of this course is conducted online, especially in terms of input achieved by students after attending this skills-shaped course. This study is important to see if there are any*

*weaknesses in the implementation of the PdP of the online Creative Poetry Writing course and follow-up steps that need to be taken to improve the weaknesses that occur. The results of this study are also important to be used as a guide in sustaining the skills course in the future if the PdP process is still happening online.*

*Keywords: Online teaching and learning; Covid-19 pandemic; Poetry writing*

## PENGENALAN

Pengisytiharan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2020 tentang situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu yang menyebabkan wabak Covid-19, telah memberi kesan langsung terhadap semua sektor termasuklah sektor pendidikan di Malaysia. Sebagai langkah berjaga-jaga dan untuk memutuskan rantai jangkitan virus tersebut, Malaysia telah mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 di mana rakyat dinasihatkan untuk terus kekal di rumah atau bekerja dari rumah (*Work From Home*). Situasi ini telah banyak mengubah landskap kehidupan setiap individu di dunia pada hari ini termasuklah dalam bidang pendidikan. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memutuskan agar semua Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian dan semua aktiviti PdP bersemuka ditangguhkan. Keputusan ini telah mengubah mod PdP daripada pembelajaran secara bersemuka digantikan dengan PdP secara dalam talian atau secara maya di seluruh institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut menerima tempas dengan keadaan wabak pandemik ini dan semua aktiviti PdP terpaksa diubah dan dilaksanakan secara dalam talian. Walaupun pembelajaran dan pengajaran dalam talian (epembelajaran) bukanlah sesuatu yang baharu, namun pelaksanaan yang komprehensif secara tiba-tiba menyebabkan pensyarah dan pelajar belum benar-benar bersedia. Malah, terdapat banyak kekangan dan halangan yang belum dapat dikenal pasti dan ditangani sepenuhnya seperti capaian Internet, kesediaan peralatan peranti, tekanan dan sebagainya (Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin & Zulkurnain Bin Hassan 2021).

Jaka Kusuma dan Hamdiah (2020) mendapati bahawa pembelajaran secara terus, iaitu Zoom lebih baik jika dibandingkan dengan pembelajaran melalui WhatsApp semasa pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, Jaka Kusuma et al. (2020) mencadangkan supaya proses pembelajaran perlulah menggabungkan kedua-dua kaedah ini, iaitu dengan menggunakan Zoom dan juga WhatsApp agar proses PdP lebih lengkap dan berkesan. Kalau tidak tularnya kisah pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) Veveonah Mosibin dari Pitas, Sabah yang terpaksa memanjat pokok untuk mendapatkan capaian Internet bagi menjawab peperiksaan secara dalam talian, pasti ramai pihak yang masih 'terlena' bahawa tidak semua individu mempunyai akses mudah kepada pembelajaran secara maya. Krisis pandemik Covid-19 telah menyaksikan bagaimana rakyat khususnya golongan murid, pelajar dan penuntut institusi pengajian tinggi terpaksa mengadaptasi normal baharu sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mahupun pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. (Editor Wilayahku, 21 September 2020, Pembelajaran Maya: Sejauh mana kita bersedia?)

Buku terbaik buat pelajar perubatan adalah pesakitnya sendiri. Namun, pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan secara tradisional sebelum ini kepada kaedah pendidikan kelas secara maya. PKP dan penjarakan sosial telah menyebabkan proses pembelajaran di bilik tutorial, makmal dan hospital tergendala. Namun begitu, pengkaji menyedari bahawa penggunaan peranti dan telefon pintar dalam kalangan pelajar di kampus perubatan institusi mereka hampir kesemuanya menggunakannya. Jadi kami telah melaksanakan pengalaman kelas pengajaran dan pembelajaran secara maya di institusi kami

untuk meneruskan pendidikan bagi pelajar perubatan kami. Pengalaman secara maya ini memberi maklum balas yang menarik dan amat menggalakkan. Berdasarkan maklum balas ini, kelas secara maya ini boleh diterapkan sebagai model pengajaran dan pembelajaran terutamanya ketika krisis melanda, dan sebagai penambahbaikan untuk proses pembelajaran secara mod teradun apabila kelas secara bersemuka disambung kembali (Mohd Faeiz et al. 2020).

Pendidikan maya merupakan satu alternatif untuk menggantikan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional yang mempunyai sempadan-sempadan tertentu. Selaras dengan hasrat negara untuk menjadi negara maju yang indikator utamanya ialah kemajuan dalam bidang pendidikan, pendidikan maya merupakan satu bentuk pendidikan masa depan yang akan memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan ini telah diperluas dengan pengenalan konsep pembelajaran Sekolah Bestari, E-learning, Universiti Terbuka dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan yang terkini ialah Frog VLE. Sesungguhnya, pendidikan maya mempunyai kebaikan dan kelemahannya yang tersendiri. (Realiti Konsep Pembelajaran Maya | Satu Kenangan Seribu. [Https://Efazan.Wordpress.Com](https://Efazan.Wordpress.Com))

Proses PdP secara dalam talian atau secara maya perlu diperhalusi dari pelbagai aspek untuk melihat kekurangan atau kelompongan yang ada supaya PdP ini dapat dijalankan secara berkesan dan memberikan impak positif kepada kedua-dua pihak, iaitu pelajar dan juga guru atau pensyarah. Terdapat pelbagai kekangan dalam proses PdP secara maya ini, namun hal ini perlu diatasi segera dan diteruskan demi kesinambungan penyebaran ilmu dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Walaupun negara Malaysia tidak sepenuhnya bersedia untuk melaksanakan PdP secara dalam talian kerana kekangan capaian Internet, namun wabak pandemik Covid-19 telah mengubah landskap PdP ketika ini dengan lebih cepat daripada masa yang sepatutnya dilaksanakan. Semua pihak perlu berganding bahu dalam mencari resolusi yang terbaik bagi mencapai kesepakatan dan kesempurnaan dalam pelaksanaan PdP yang lebih baik dan berkesan kepada semua pihak.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang merupakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai teknik pengumpulan data. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan instrumen borang soal selidik. Soal selidik ialah sejumlah soalan yg dikemukakan secara berterusan dalam borang tertentu untuk dijawab oleh sebilangan orang dalam usaha mencari dan mengumpulkan maklumat tertentu; (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penggunaan borang soal selidik dipilih bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala 2017).

Kaedah mengedarkan borang soal selidik dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form*. Kaedah secara dalam talian telah dipilih bagi mengedarkan borang soal selidik ini kerana kaedah ini dilihat paling popular yang digunakan dalam penyelidikan pada masa kini. Kaedah ini juga mudah dilakukan dengan menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui e-mel, WhatsApp atau Telegram bagi mendapatkan jumlah responden yang maksimum dengan mudah dan cepat (Raja, 2018).

Bagi mendapatkan data kajian ini, pemilihan responden telah dibuat yang terdiri daripada pelajar set 1 dan set 2 yang mengambil kursus LMCR1202 Penulisan Pantun Kreatif pada Semester 2 Sesi 2020-2021, iaitu seramai 57 orang pelajar prasiswazah dari pelbagai fakulti yang mengikuti pengajian di kampus UKM, Bangi. Aplikasi penyampaian pesanan

seperti *WhatsApp* dan *Telegram* telah dipilih sebagai pelantar bagi menyampaikan hebahan mengenai tujuan dan matlamat kajian ini dilakukan.

Soal selidik kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu Bahagian A (maklumat diri pelajar) yang mempunyai 3 soalan. Pada Bahagian B pula terdiri daripada 7 soalan iaitu (tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah PdP kursus secara dalam talian) manakala pada bahagian C terdapat 4 soalan (cadangan dan pendapat peribadi pelajar tentang keberkesanan PdP kursus ini secara dalam talian). Ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik ini akan difokuskan dalam kajian ini. Skala likert empat mata digunakan bagi menunjukkan kekerapan. Skala likert tersebut adalah seperti 1= Sangat setuju, 2 = Setuju, 3 Tidak setuju, 4 =Sangat tidak setuju.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Bab ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan keputusan ujian dan tindak balas yang diberikan oleh responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Semua keputusan yang diperoleh dibenteng dalam bentuk jadual. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian iaitu Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Pdp) Secara Dalam Talian: Kajian Kursus Penulisan Pantun Kreatif. Selain itu, analisis pemerhatian dan temu bual juga dilakukan sebagai sokongan terhadap dapatan kajian.

### Bahagian A: Latar Belakang Respondan

Jadual 1: Latar Belakang Responden.

Profil (%)	Keterangan	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	24	43.6
	Perempuan	31	56.4
Umur	20	9	16.3
	21	9	16.3
	22	24	43.6
	23	5	9.1
	24	7	12.7
	25	1	1.8
Fakulti	Ekonomi & Pengurusan	6	10.9
	Pengajian Islam	12	21.8
	Sains Sosial & Kemanusiaan	26	47.3
	Sains & Teknologi	5	9.1
	Teknologi & Sains Maklumat	1	1.8
	Pusat Pengajian Citra	4	7.3
	Pendidikan	1	1.8
Jumlah		55	100%

Dapat dirumuskan berdasarkan demografi dalam jadual 1 di atas, terdapat seramai 55 responden secara keseluruhan yang menjawab soal selidik ini dengan pecahan pelajar lelaki seramai 24 orang manakala pelajar perempuan seramai 31 orang. Bagi pecahan umur pula, terdapat seramai 18 responden berada dalam lingkungan umur 20-21, manakala lingkungan umur antara 22-23 tahun pula terdapat seramai 31 responden iaitu jumlah yang paling ramai.

Bagi umur sekitar 24-25 tahun pula, terdapat hanya 8 responden, iaitu jumlah yang paling kecil. Bagi pecahan data fakulti pula, daripada 55 pelajar, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu seramai 26 responden dan diikuti oleh Fakulti Pengajian Islam (FPI) seramai 12 responden. Fakulti yang mencatatkan jumlah yang paling kecil ialah responden dari Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (FTSM) dan Fakulti Pendidikan (FPEND) dengan 1 orang responden.

### Bahagian B: Persepsi Terhadap Kandungan Kursus

Jadual 2: Persepsi Terhadap Kandungan Kursus.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Kandungan kursus memenuhi kehendak pelajar.			7(12.7%)	48(87.3%)
2	Kandungan kursus mudah untuk dipelajari.			9(16.4%)	46(83.6%)
3	Kandungan kursus mudah untuk difahami			5(9%)	50(91%)
4	Kandungan kursus mengikut tahap kesukaran			12(21.8%)	43(78.2%)
5	Kandungan kursus perlu ditambah lagi.		45(81.8%)	7(12.7%)	3(5.5%)

Berdasarkan jadual 2, terdapat 5 pernyataan berkenaan *Persepsi Terhadap Kandungan Kursus*. Pada item 1, yang menyatakan kandungan kursus memenuhi kehendak pelajar, terdapat 87.3% atau 48 responden yang menyatakan sangat setuju manakala 7 responden atau 12.7% pula menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Hampir majoriti pelajar menyatakan sangat setuju dengan kandungan kursus memenuhi kehendak pelajar kerana kandungan kursus yang dirancang dan ditambah baik adalah berdasarkan maklum balas pelajar sebelum ini agar kandungan kursus sentiasa segar dan menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus ini. Bagi item 2 iaitu *Kandungan Kursus Mudah Untuk Dipelajari*, terdapat 46 responden atau 83.6% menyatakan sangat setuju manakala 9 responden pula menyatakan setuju. Bagi item 3 iaitu pernyataan *Kandungan Kursus Mudah Untuk Difahami* pula, terdapat 50 responden atau 91% menyatakan sangat setuju dan selebihnya menyatakan setuju iaitu 9%. Sememangnya item 2 dan 3 menepati persepsi responden bahawa kursus ini mudah untuk difahami dan dipelajari kerana kandungan kursus ini bersifat mesra pelajar dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang santai dan cuba memenuhi kehendak semasa pelajar terutama dari segi penilaian kursus seperti nyanyian lagu pantun dan drama pantun.

Kita sedia maklum bahawa golongan remaja begitu dekat dengan seni hiburan seperti muzik dan drama. Oleh itu, kaedah penilaian yang menerapkan aspek tersebut sedikit-sebanyak akan menarik minat pelajar untuk mengenali dan seterusnya mengambil kursus ini. Hal ini secara tidak langsung juga membantu dalam memartabatkan pantun sebagai puisi Melayu tradisi dalam kalangan remaja atau belia. Bagi item 4 iaitu *Kandungan Kursus Mengikut Tahap Kesukaran* pula, terdapat 78.2% atau 43 responden menyatakan sangat setuju manakala 21.8% pula atau 12 responden menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Tahap kesukaran adalah suatu perkara yang perlu diketahui oleh setiap pengajar. Kandungan kursus yang dirangka dan digunakan dalam PdP mestilah mempunyai tahapan yang bermula dengan mudah atau asas dan menaik ke tahap yang lebih kompleks mengikut minggu perkuliahan dalam satu semester. Hal ini penting supaya pelajar dapat mempelajari dan menguasai tahap asas sebelum menguasai tahap yang lebih sukar pada tahap seterusnya. Bagi item kelima iaitu *Kandungan Kursus Perlu Ditambah Lagi*, terdapat 3 skala telah dipilih oleh responden iaitu tidak setuju sebanyak 45 responden atau 81.8%, setuju sebanyak 7 responden atau 12.7% dan sangat setuju

sebanyak 3 responden atau 5.5%. Bagi item 1 hingga 4, tiada responden yang memilih skala sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju dengan kesemua item yang dinyatakan dan memenuhi kehendak pelajar. Hanya item 5 sahaja, terdapat responden yang memilih skala tidak setuju sebagai pilihan keputusan. Hal ini juga menunjukkan item 5 iaitu *Kandungan Kursus Perlu Ditambah Lagi* tidak disetujui oleh responden kerana berpendapat kandungan kursus sedia ada sudah memadai untuk diteruskan. Pelajar berpendapat tahap kesukaran yang terdapat dalam kursus ini yang diadakan secara dalam talian sudah memenuhi kehendak mereka dan tiada keperluan untuk menambah kandungan yang lain dalam kursus ini. Sememangnya kandungan ini sudah dirangka untuk PdP secara dalam talian dan ternyata perancangan ini telah memenuhi hampir kebanyakan pelajar yang mengambil kursus ini pada semester 2, sesi 2020-2021 ini.

### Bahagian C: Persepsi Terhadap Penilaian Kursus

Jadual 3: Persepsi Terhadap Penilaian Kursus.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Penilaian kursus yang menarik minat pelajar.			3(5.5%)	52(94.5%)
2	Penilaian kursus yang mudah difahami.			8(14.5%)	47(85.5%)
3	Penilaian kursus yang mudah untuk dilaksanakan			10(18.2%)	45(81.8%)
4	Penilaian kursus bertepatan dengan silibus			8(14.5%)	47(85.5%)
5	Penilaian kursus menepati objektif kursus			7(12.7%)	48(87.3%)
6	Peruntukan markah untuk setiap penilaian yang sesuai			5(9%)	50(91%)
7	Penilaian kursus mampu menguji tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar.		3(5.4%)	4(7.3%)	48(87.3%)

Berbandukan jadual 3 di atas, iaitu persepsi terhadap penilaian kursus, terdapat 7 item dengan pernyataan yang berbeza. Boleh dikatakan hampir 100% responden bersetuju dengan pernyataan dari item 1 hingga item 6 dengan mencatatkan skala setuju dan sangat setuju. Hal ini menunjukkan bahawa pernyataan dalam soal selidik ini telah menyamai maksud dan persepsi pelajar terhadap penilaian kursus dalam PdP secara dalam talian seperti mana yang dilalui dalam situasi sebenar oleh para responden. Hampir kesemua pernyataan dari item 1 hingga 6 telah mencapai peratusan melebihi 80% dan ke atas daripada hasil jawapan responden. Penilaian kursus yang menarik, mudah difahami, mudah dilaksanakan, bertepatan dengan silibus, menepati objektif kursus dan peruntukan markah yang sesuai untuk setiap penilaian yang dibuat menunjukkan pelaksanaan kursus ini secara dalam talian telah mencapai sasaran iaitu responden berasa gembira dan puas hati dengan kursus yang dipelajari. Hanya pada item 7 sahaja terdapat responden yang menyatakan tidak setuju pada pernyataan *Penilaian Kursus Mampu Menguji Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Pelajar* dengan 3 responden atau 5.3% manakala responden yang setuju dan sangat setuju pula mencatatkan sebanyak 94.6% atau 52 responden pada item tersebut.

Walaupun terdapat 5.4% responden menyatakan tidak setuju dengan *Penilaian Kursus Mampu Menguji Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Pelajar* namun itu tidak bermakna terdapat kekurangan dalam aspek penilaian yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pengkaji

akan mengambil kira hal ini untuk dilihat kembali dalam proses penambahbaikan kursus pada masa akan datang. Dapat dirumuskan di sini bahawa kebanyakan responden memilih skala sangat setuju bagi item 1 hingga 7 dengan nilai peratusan melebihi 80%. Peratusan tertinggi dicatatkan pada pernyataan *Penilaian Kursus Yang Menarik Minat Pelajar* iaitu sebanyak 94.5% pada item 1 dan dikuiti kedua tertinggi dengan item 6 iaitu *Peruntukan Markah Untuk Setiap Penilaian Yang Sesuai* yang mencatatkan sebanyak 91%. Manakala skor peratusan terendah dicatatkan pada item 3 iaitu *Penilaian Kursus Yang Mudah Untuk Dilaksanakan* iaitu sebanyak 81.8%.

#### Bahagian D: Persepsi Terhadap Interaksi dalam Kelas secara salam Talian

Jadual 4: Persepsi Terhadap Interaksi dalam Kelas secara dalam Talian.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Kelas berjalan secara aktif (komunikasi dua hala)			16(29%)	39(71%)
2	Interaksi guru dengan pelajar sangat baik.			12(21.8%)	43(78.2%)
3	Guru akan bertanya soalan kepada pelajar.			15(27.3%)	40(72.7%)
4	Guru sentiasa meminta maklum balas pelajar tentang tajuk yang dibincangkan.			12(21.8%)	43(78.2%)
5	Guru sentiasa menanyakan tahap kefahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari.			12(21.8%)	43(78.2%)
6	Guru selalu menggunakan budi bicara dengan pelajar.			10(18.2%)	45(81.8%)
7	Guru sentiasa bertanyakan khabar pelajar.			18(32.7%)	37(67.3%)

Bagi Jadual 4: Persepsi Terhadap Interaksi dalam Kelas secara dalam Talian, terdapat 7 item yang terkandung di dalamnya. Pernyataan dalam tujuh item ini menunjukkan interaksi atau perhubungan lisan antara pelajar dengan guru semasa kelas dalam talian dijalankan. Soal selidik ini akan melihat persepsi responden terhadap interaksi yang berlaku semasa kelas dalam talian dijalankan. Interaksi tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak (Educalingo, 2021). Dalam soal selidik yang diisi oleh responden, tiada catatan skor bagi 'Sangat Tidak Setuju' dan 'Tidak Setuju' bagi ketujuh-tujuh item tersebut. Semua catatan skor berada pada ruangan 'Setuju' dan 'Sangat Setuju' sahaja. Hal ini mungkin disebabkan kesemua pernyataan tersebut diakui berlaku oleh responden selama mereka mengikuti kelas secara dalam talian. Bagi pengkaji sendiri, kesemua pernyataan dalam item tersebut cuba diterapkan sebaik mungkin supaya pelajar berasa lebih selesa mengikuti perkuliahan dan tidak mahu pelajar terasa terbeban atau tidak seronok. Maka tidak hairan jika pengkaji banyak menggunakan budi bicara dengan para rseponden semasa mengendalikan kelas secara dalam talian.

Pengkaji bersikap sentiasa positif terhadap responden terutama dari segi kehadiran kelas baik tidak dapat mengikuti dan lambat mengikuti kelas (masuk kelas dalam talian). Hal ini kerana responden sering mengadu kadang-kadang menghadapi masalah capaian internet yang teruk. Pengkaji mengambil maklum akan hal itu dan cuba memahami keadaan yang dihadapi oleh responden tanpa mengenakan apa-apa tindakan. Malah pengkaji juga akan berkongsi apa-apa sahaja nota kuliah atau latihan semasa kelas dalam kumpulan whatsapp atau UKMfolio bagi memberi peluang kepada pelajar yang gagal menghadiri kelas untuk turut sama

mendapat maklumat tersebut. Maka tidak hairanlah jika peratusan tertinggi dicatatkan pada item 6 iaitu *Guru Selalu Menggunakan Budi Bicara Dengan Pelajar* dengan catatan 81.8% atau 45 responden pada skor ‘Sangat Setuju’ dan 18.2% atau 10 responden berada pada skor ‘Setuju’.

Peratusan kedua tertinggi pula dicatatkan oleh 3 item iaitu item 2 (Interaksi Guru Dengan Pelajar Sangat Baik), 4 (Guru Sentiasa Meminta Maklum Balas Pelajar Tentang Tajuk Yang Dibincangkan) dan 5 (Guru Sentiasa Menanyakan Tahap Kefahaman Pelajar Tentang Tajuk Yang Dipelajari) dengan berkongsi nilai peratusan yang sama iaitu 78.2% atau 43 responden manakala selebihnya, 21.8% atau 12 responden pula mencatatkan skor ‘Setuju’. Begitu juga dengan persepsi pelajar tentang item 2,4 dan 5 yang mana item 2 iaitu *Responden Berasa Selasa Terhadap Interaksi Dalam Kelas Secara Dalam Talian* kerana aspek interaksi yang sangat baik terjalin antara guru dengan pelajar. Begitu juga apabila item 5 iaitu *Guru Sentiasa Meminta Maklum Balas Pelajar Tentang Tajuk Yang Dibincangkan* menunjukkan guru sentiasa memberikan perhatian kepada pelajarannya dengan meminta maklum balas bagi memastikan pelajar dapat mengikuti sesi perbincangan atau pembelajaran yang dijalankan. Hal ini menimbulkan perasan terima kasih para responden terhadap perhatian yang diberikan oleh gurunya terhadap perkuliahan yang diadakan semasa kelas dalam talian dapat diikuti dengan baik oleh semua responden. Sementara item 5 pula menyatakan *Guru Sentiasa Menanyakan Tahap Kefahaman Pelajar Tentang Tajuk Yang Dipelajari* menjadikan responden berasa dirinya dihargai apabila diambil berat soal kefahaman mereka terhadap subjek yang diajar oleh gurunya.

#### Bahagian E: Persepsi Terhadap Kemudahan Mengakses Aplikasi Dalam Talian.

Jadual 5: Persepsi Terhadap Kemudahan Mengakses Aplikasi Dalam Talian.

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	UKMFolio mudah diakses oleh pelajar.		2(3.6%)	34(61.8%)	19(34.6%)
2	Capaian internet sangat bagus.		11(20%)	30(54.5%)	14(25.5%)
3	Pelajar mudah memuatnaik tugas ke dalam UKMfolio.		1(1.8%)	20(36.4%)	34(61.8%)
4	Penggunaan whatsapp dan telegram sebagai medium penghubung antara pelajar dengan guru.		21(38.2%)	14(25.5%)	41(74.5%)
5	Kandungan dalam UKMFolio merumitkan pelajar.	9(16.4%)	13(23.6%)	12(21.8%)	13(23.6%)
6	UKMfolio sering terdapat gangguan untuk dicapai	1(1.8%)	15(27.3%)	22(40%)	19(34.5%)
7	Capaian internet sering terganggu sepanjang kelas.	4(7.3%)		23(41.8%)	13(23.6%)
8	Pelantar Google Meet untuk kuliah memudah pelajar	1(1.8%)		18(32.7%)	36(65.5%)

Bagi Jadual 5: Persepsi Terhadap Kemudahan Mengakses Aplikasi Dalam Talian, terdapat 8 item yang mengisi ruang soal selidik. Skor tertinggi bagi skala ‘Sangat Setuju’ dicatatkan oleh item 4 iaitu *Penggunaan Whatsapp dan Telegram Sebagai Medium Penghubung Antara Pelajar Dengan Guru* dengan 74.5% atau 41 responden. Item ini mencatatkan skor paling tinggi kerana kita sedia maklum bahasa penggunaan media sosial seperti *WhatsApp* dan *Telegram* merupakan medium yang paling popular dan mudah digunakan berbanding medium yang lain. Guru dan pelajar dapat berkongsi sebarang maklumat



berkenaan kursus dan akan cepat mendapat maklum balas terhadap sesuatu perkara yang dikongsikan. Manakala skor terendah bagi skala ‘Sangat Setuju’ dicatatkan oleh item 2, *Capaian Internet Sangat Bagus* dengan peratusan sebanyak 25.5% atau 14 responden. Hal ini kerana capaian Internet sangat bagus tidak dapat dicapai oleh semua responden. Terdapat responden yang mendapat capaian Internet yang lemah atau gagal mendapat capaian langsung semasa kelas dijalankan. Bagi skala ‘Setuju’ pula, skor peratusan tertinggi dicatatkan pada item 1 iaitu *UKMfolio Mudah Diakses Oleh Pelajar* dengan 61.8% atau 34 responden. Hal ini disokong oleh fungsi UKMfolio yang sentiasa ditambah baik dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi kemudahan pelajar mencapainya.

Bagi peratusan terendah dicatatkan pada item 5 iaitu *Kandungan Dalam UKMfolio Merumitkan Pelajar* dengan 21.8% atau 12 responden. Hal ini disebabkan terdapat beberapa masalah seperti kandungan yang terdapat dalam UKMfolio yang kadang-kala tidak dapat dicapai menyebabkan responden berasa sedikit terbeban terutama berkenaan dengan tugas. Bagi skala ‘Tidak Setuju’ pula, skor peratusan tertinggi dicatatkan oleh item 5 iaitu *Kandungan Dalam UKMfolio Merumitkan Pelajar* iaitu dengan 38.2% atau 21 responden. Perkara ini berlaku kerana terdapat kekeliruan tentang fungsi yang terdapat dalam UKMfolio hingga merumitkan pelajar untuk mencapai atau menggunakannya. Manakala peratusan paling rendah pula dicatatkan oleh item 3, *Pelajar Mudah Memuatnaik Tugas Ke UKMfolio* dengan 1.8% atau 1 responden sahaja. Terdapat responden yang tidak mesra dengan cara memuat naik tugas di UKMfolio hingga responden menyatakan rasa tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Bagi skala ‘Sangat Tidak Setuju’, skor tertinggi dicatatkan oleh item 5 dengan 16.4% atau 9 responden manakala skor terendah pula dicatatkan oleh item 6 dengan 1.8% atau 1 responden. Perkara yang menjadi alasan utama kepada responden yang menyatakan rasa ‘Sangat Tidak Setuju’ adalah dari aspek penggunaan UKMfolio dan capaian internet yang kurang memuaskan. Bagi item 1, 2 dan 3 tidak mencatatkan sebarang peratusan bagi skala ‘Sangat Tidak Setuju’. Bagi item 4 pula hanya mencatatkan skor pada skala ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ sahaja. Bagi item 5, 6 dan 7 pula mencatatkan kesemua keempat-empat skala manakala item 8 mencatatkan tiga skala kecuali skala ‘Tidak Setuju’.

#### Bahagian F: Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian

Jadual 6: Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	UKMFolio adalah laman web terbaik untuk pelajar mendapat maklumat berkenaan kursus.		4(7.3%)	31(56.3%)	20(36.4%)
2	Guru menyampaikan tajuk pengajaran dengan sangat menarik.			13(23.6%)	42(76.4%)
3	Pembelajaran melalui powerpoint yang disediakan sangat menarik.			20(36.4%)	35(63.6%)
4	Video pengajaran yang disediakan mudah difahami.			19(34.5%)	36(65.5%)
5	Whatsapp dan telegram ialah pilihan kepada pembelajaran dalam talian.		1(1.8%)	20(36.4%)	34(61.8%)
6	Guru menyampaikan tajuk berkenaan pantun kreatif dengan sangat baik.		2(3.6%)	12(21.8%)	41(74.5%)
7	Guru memberikan contoh yang sebaik dan sebanyak mungkin bagi memahami pelajar.			15(27.3%)	40(72.7%)
8	Guru cuba memahami pelajar terhadap tajuk baharu yang diajar.		1(1.8%)	16(29.1%)	38(69.1%)

Bagi Jadual 6: Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian menunjukkan terdapat 8 item dengan skor tertinggi bagi skala 'Sangat Setuju' dicatatkan oleh item 2 dengan pernyataan *Guru Menyampaikan Tajuk Pengajaran Dengan Sangat Menarik* dengan peratusan sebanyak 76.4% atau 42 responden manakala skor terendah bagi skala 'Sangat Setuju' pula dicatatkan oleh item 1 iaitu *UKMfolio Adalah Laman Web Terbaik Untuk Pelajar Mendapat Maklumat Berkenaan Kursus* dengan peratusan sebanyak 36,4% atau 20 responden. Bagi skala 'Setuju' pula, skor tertinggi dicatatkan oleh item 1, *UKMfolio Adalah Laman Web Terbaik Untuk Pelajar Mendapat Maklumat Berkenaan Kursus* dengan jumlah peratus sebanyak 56.3% atau 31 responden manakala skor terendah pula dicatatkan oleh item 6 iaitu *Guru Menyampaikan Tajuk Berkenaan Pantun Kreatif Dengan Sangat Baik* dengan 21.8% atau 12 responden. Terdapat 4 item yang mencatatkan ruang skala 'Tidak Setuju' dengan skor tertinggi dicatatkan oleh item 1 dengan 7.3% atau 4 responden dan yang terendah oleh item 5 dan 8 dengan 1.8% atau 1 responden. Semua item tidak mencatatkan sebarang skor pada skala 'Sangat Tidak Setuju'. Jika dicampurkan skor bagi skala 'Sangat Setuju' dan 'Setuju' bagi kelapan-lapan item, semua item mencatatkan peratusan melebihi 90% dan ke atas.

Satu pencapaian yang sangat luar biasa bagi pengkaji kerana tidak sesekali menyangka responden akan memberikan maklum balas yang begitu baik terhadap soal selidik yang diberikan. Skor yang dicatatkan pada skala ini juga membuktikan bahawa *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian* menunjukkan keputusan persepsi yang sangat positif dalam kalangan responden. Walaupun terpaksa melalui proses PdP yang sangat mencabar dalam era pandemik Covid-19, namun tidak menghalang responden beradaptasi dengan suasana PdP baharu. Hal ini menunjukkan bahawa responden seakan dapat menerima dengan baik kaedah PdP secara atas talian yang dilaksanakan ini

## KESIMPULAN

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian merupakan satu pilihan yang dapat membantu para pendidik untuk terus melaksanakan proses PdP dalam pandemik Covid-19 ini. Hasil kajian mendapati tahap keberkesanan yang tinggi menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah menyediakan peluang kepada generasi baharu, iaitu pelajar (baik di sekolah mahupun di peringkat universiti) dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat. Kajian secara lebih rinci bagi semua aspek tentang PdP secara dalam talian perlu dilakukan lagi di UKM bagi mengetahui keberkesanan, kebolehlaksanaan, keperluan dan halangan yang timbul bagi pelaksanaan PdP secara dalam talian ini. Sesungguhnya bagi menjayakan proses PdP dalam talian ini memerlukan komitmen daripada pelbagai pihak terutama pihak pengurusan universiti, pihak fakulti, pensyarah dan juga pelajar itu sendiri. Kemudahan alat peranti seperti komputer, telefon pintar dan capaian Internet yang baik akan memberi peluang kepada semua pihak terutama para pelajar untuk mengikuti aktiviti PdP ini tanpa perlu bersemuka. Walaupun proses PdP ini mempunyai sisi baik dan buruknya sendiri, namun semua pihak perlu melihat dari sudut positif dan tidak terlalu melihat aspek negatif semata demi kelangsungan proses PdP ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar pada masa-masa akan datang.

Jika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berterusan akibat pandemik Covid-19, Wan, Ya Shin (2020) menyatakan bahawa untuk mengurangkan jurang digital, banyak negara telah mengambil langkah seperti menyebarkan peranti untuk meningkatkan akses ke kelas secara dalam talian. Hal ini supaya tidak berlaku keciciran pembelajaran dalam kalangan pelajar yang kurang mampu. Sememangnya bukan senang untuk membina kemahiran

pembelajaran sepanjang hayat ini. Namun dengan Covid-19 dan PKP ini, kita diberi peluang untuk mengasah kemahiran ini yang amat penting untuk kekal bermandiri pada abad ini. Bak kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan bagi menambahbaik dan mengambil kira keperluan meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi baharu yang diperlukan untuk melaksanakan transformasi terhadap sistem pendidikan terutamanya di UKM baik di kampus Bangi, Cheras mahupun di Kuala Lumpur.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini terutamanya responden kajian.

## RUJUKAN

- Editor Wilayahku. (2020), Pembelajaran Maya: Sejauh mana kita bersedia?  
Educalingo. (2021). *Interaksi* [Dalam Talian]. <<https://Educalingo.Com/Ms/Dic-Ms/Interaksi>> Tersedia.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection And Designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 1-3.
- Fatin Aliah Phang. (2020). Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Jaka Wijaya Kusuma & Hamidah. (2020). Perbandingan Hasil Belajar Matematika Dengan Penggunaan Platform Whatsapp Group dan Webinar Zoom dalam Pembelajaran Jarak Jauh Pada Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Matematika*, 5(1), 97-106.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Faeiz et al. (2020). *Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Perubatan Ketika Pandemi Covid-19: Pengalaman Kelas Maya*. In: Webinar Serantau Pandemi COVID-19 (WSPC-19).
- Raja, T. (2018). Online tools for data collection. In *Education 5.0: Perspectives and Previews Tamil Nadu*: Tamil Nadu: St. Xavier's College of Education.
- Realiti Konsep Pembelajaran Maya | Satu Kenangan Seribu Makna. (2020). <https://Efazan.Wordpress.Com>.
- Siti Azura Binti Abu Hassan et al. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat, *International Journal of Humanities Technology and Civilization (Ijhtc)*.
- Wan, Ya Shin. (2020). Education during COVID-19.

AZLAN AHMAD\*

Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

NOORHAZILA MOHD HAMID  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Pengarang untuk surat-menyurat: [az\\_ahmad@ukm.edu.my](mailto:az_ahmad@ukm.edu.my)

Received: 9 August 2021 / Accepted: 20 September 2021 / Published: 20 November 2021